





## Warna-warni Sambutan Aidilfitri UMPSA

Kedatangan Syawal  
Membawa sejuta warna liku kehidupan  
Bersulam satu sama lain pelbagai emosi  
Sambutan luas tiada terhad sedia menanti  
Selesai balik kampung muncul agenda rumah terbuka  
Dari jiran tetangga hingga ke tempat kerja tempat belajar  
Suasana sambutan hari raya masih terasa meriah bermakna  
Busana bertukar ganti bersama juadah hidangan pelbagai  
Bulan penuh keraian kegembiraan kemaafan perkongsiaan  
Universiti Malaysia Al-Sultan Abdullah tidak terkecuali  
Sambutan Hari Raya Aidilfitri diraikan di kampus  
Seluruh warga UMPSA bertemu hadapan bangunan Canseleri  
Ruang pertemuan semua insani meraikan Aidilfitri  
Budaya tradisi boleh diperhati dihalusi setiap generasi  
Dijemput kunjung semua untuk berkongsi meraikan  
Inilah tradisi sambutan Aidilfitri tiap kali Syawal dirai  
Kampus dihiasi warna-warni dengan penuh teliti  
Adat tradisi dijunjung senyuman manis menghiasi  
Mahasiswa-mahasiswi terasa istimewa lebaran dirai  
Bersama pendidik rakan dalam dan luar negeri  
Barisan khemah jamuan tersedia menanti  
Meraikan lebaran mulia di menara gading ini  
Para pengunjung dinanti dengan besar hati  
Semoga pulang kenangan indah tersemat di sanubari



Nukilan:  
Jamilah Bebe Mohamad  
Pusat Bahasa Moden  
Universiti Malaysia Pahang  
Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

---

- 58 views

[View PDF](#)